

Malaysia-Zimbabwe perlu kukuhkan hubungan ekonomi

Daripada
KHALID MOHD.

HARARE 27 April — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad malam ini menekankan perlunya Malaysia dan Zimbabwe memperluas dan memperkukuhkan hubungan ekonomi dan perdagangan supaya kedua-dua buah negara berada dalam kedudukan yang lebih mantap untuk menghadapi cabaran negara-negara maju.

Bagi memenuhi matlamat ini, beliau menawarkan Malaysia sebagai pintu masuk barangan keluaran Zimbabwe ke dalam pasaran Asia Tenggara dan Asia Timur yang

sedang pesat berkembang.

Selain itu, beliau juga menyatakan kesediaan Malaysia untuk berkongsi kepakaran teknikal bagi faedah bersama.

Berucap di jamuan negara bagi meraikannya di sini malam ini, Perdana Menteri berkata, komitmen Malaysia untuk sama-sama membangun dengan Zimbabwe adalah serius sejajar dengan harapan dan semangat Kerjasama Selatan-Selatan.

Dr. Mahathir berada di sini untuk memulakan lawatan rasmi lima hari — yang pertama oleh seorang Perdana Menteri Malaysia. Beliau tiba di sebe-

■ Lihat muka 2

SAMBUNGAN DARI MUKA 1

Malaysia-Zimbabwe perlu kukuhkan hubungan ekonomi

lah petang dan diberi sambutan negara. Presiden Robert Mugabe sendiri menyambut ketibaannya.

Menurut Perdana Menteri, peluang-peluang bagi kerjasama yang lebih erat dalam bidang ekonomi sebenarnya adalah banyak. Ekonomi Malaysia yang sedang berkembang pesat boleh menjadi pasaran yang baik bagi barangan keluaran Zimbabwe.

Malaysia pula, katanya, sedia membekalkan keperluan-keperluan Zimbabwe sama ada barangan siap mahupun yang belum siap.

Kenyataan

Apabila Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA) menjadi kenyataan, kata Dr. Mahathir, pasaran Asia Tenggara tentunya akan bertambah besar ekoran kegiatan ekonomi yang bertambah rancak.

Dalam hubungan ini, beliau mahu Zimbabwe mengambil kesempatan di Asia Timur dan Asia Tenggara yang merupakan rantau yang sedang melalui pertumbuhan paling pesat di dunia.

Katanya, hanya dengan kerjasama yang benar-benar kukuh dalam se-

mua bidang, barulah negara-negara Selatan seperti Malaysia dan Zimbabwe dapat melindungi kepentingan masing-masing daripada asakan mereka yang sudah maju.

"Kemampuan dan kesediaan kita untuk melaksanakan kerjasama Selatan-Selatan akan menyumbang bukan sahaja kepada pertumbuhan ekonomi kita tetapi akan memperkuatkan kedudukan kita apabila berdepan dengan negara-negara maju," ujar beliau.

Di samping kerjasama antara kerajaan, Perdana Menteri juga menekankan betapa sektor swasta kedua-dua belah pihak sebenarnya mempunyai peranan yang sama penting ke arah menjayakan kerjasama sesama negara Selatan ini.

Beliau mahu mereka meneroka peluang-peluang pelaburan yang wujud dan memulakan usaha-sahama dalam bidang binaan, perlombongan, pelancongan, pengangkutan dan lain-lain yang boleh membawa faedah kepada kedua-dua belah pihak.

Dr. Mahathir yakin dengan dasar-dasar baru yang sedang diperkenal-

kan oleh Kerajaan Zimbabwe bagi menarik pelaburan asing para usahawan Malaysia yang sedang mencari pasaran di merata dunia akan menemui sesuatu yang boleh mereka usahakan di sini.

Dalam pada itu, beliau turut menegaskan betapa keamanan dan kestabilan perlu dikekalkan bagi menjamin pertumbuhan dan pembangunan negara berjalan lancar.

Peranan

Malaysia, ujar beliau, menghargai peranan yang telah dimainkan oleh Zimbabwe dalam membawa keamanan di rantau ini terutama sekali di negara jirannya, Mozambique di mana telah berlaku perubahan politik yang membuka lembaran baru di negara tersebut.

Dr. Mahathir juga yakin sebagai anggota Kommanwel, Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM), G-77 dan G-15, Malaysia dan Zimbabwe akan dapat memberi sumbangan berterusan bagi mengekalkan keamanan dan keselamatan dunia serta memajukan lagi hubungan ekonomi dan sosial. —*Utusan*.